Menyantuni Rakyat Malaysia

Dasar dan tindakan BNM memberikan kesan kepada individu dan perniagaan di Malaysia. Maka, matlamat libat urus BNM dengan pihak berkepentingan adalah untuk mempertingkatkan kefahaman mereka berhubung dengan peranan dan dasar BNM

Pengenalan

Sepanjang tahun 2023, BNM mempergiat usaha untuk menyantuni pelbagai pihak berkepentingan. Dasar monetari, ringgit, penipuan kewangan dan literasi kewangan merupakan topik-topik utama yang dibincangkan dalam libat urus tersebut. BNM juga meneroka platform baharu dan menguji kaji cara baharu untuk menjelaskan pelbagai isu. Matlamat usaha ini adalah untuk meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai peranan dan keputusan dasar BNM, selanjutnya mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap BNM.

Menjelaskan Dasar BNM

Dasar dan inisiatif BNM memberikan kesan kepada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Kerajaan, penggubal undang-undang, media, penganalisis dan orang awam. Komunikasi dan libat urus adalah penting untuk menjelaskan dasar BNM dan mendapatkan maklum balas. Di samping itu, isu ekonomi dan sistem kewangan negara yang semakin kompleks telah mendorong BNM menggunakan pendekatan pelbagai cara dan bersasar dalam menyampaikan maklumat dan menjelaskan tindakannya.



Timbalan Gabenor Adnan Zaylani Mohamad Zahid dan Penolong Gabenor Fraziali Ismail berkongsi pandangan dengan penganalisis semasa pengumuman KDNK S2 2023 oleh BNM

Komunikasi BNM dilaksanakan menerusi pembentangan kepada pihak berkepentingan sektor awam, seperti Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi Parlimen (Parliamentary Select Committee on Finance and Economy), sesi perbualan dengan pengarang (*editors*), bengkel media, dan sesi libat urus dengan pelbagai persatuan dan kumpulan. Perbincangan dalam libat urus ini umumnya tertumpu pada ringgit, inflasi dan cara BNM melaksanakan dasar monetari. BNM juga mengadakan taklimat kepada penganalisis selepas penerbitan angka KDNK suku tahunan dan Pernyataan Dasar Monetari.[1] Yang penting, bentuk libat urus yang pelbagai ini juga merupakan peluang untuk BNM mendengar kebimbangan dan memahami pandangan pihak berkepentingan. Hal ini juga membolehkan BNM menambah baik komunikasi tentang dasar dan menyokong usaha pendidikan dan jangkauan yang lebih berkesan.



Pada bulan Oktober 2023, Timbalan Gabenor Jessica Chew dan Penolong Gabenor Dr. Norhana Endut membentangkan penilaian risiko dan prospek kestabilan kewangan domestik semasa pelancaran laporan Tinjauan Kestabilan Kewangan ST1 2023

[1] Maklumat lanjut tentang komunikasi Dasar Monetari BNM boleh dibaca dalam bab 'Menggalakkan Kestabilan Monetari'.

Sasana Symposium 2023

Sasana Symposium (Simposium) dengan tema 'Pembaharuan Struktur ke arah Malaysia yang Lebih Kukuh', telah julung kali diadakan pada bulan Jun 2023. Berasaskan penerbitan Laporan Tahunan, Tinjauan Ekonomi dan Monetari serta Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM yang diterbitkan dua kali setahun, Simposium ini menawarkan saluran tambahan untuk orang ramai terlibat dalam perbincangan mengenai hasil kerja BNM. Peserta Simposium termasuk pemimpin dan pakar industri, yang mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai pelbagai isu kontemporari yang berkaitan dengan dasar monetari, ringgit, pendigitalan, jaringan keselamatan sosial, kewangan Islam dan kelestarian.



Gabenor Nor Shamsiah Mohd Yunus bersama wakil-wakil daripada pengendali sistem pembayaran serta bank pusat Malaysia, Thailand, Indonesia dan Singapura selepas melancarkan jalinan pembayaran QR rentas sempadan



Penolong Gabenor Suhaimi Ali berkongsi cara institusi kewangan dan pihak berkuasa boleh menguruskan risiko yang berkaitan dengan pembayaran digital dalam sesi 'Penerapan Digital dengan Yakin dalam Landskap Inovatif'



Penolong Gabenor (kini Timbalan Gabenor) Adnan Zaylani Mohamad Zahid menyertai sesi perbincangan mengenai 'Ringgit dan Pembangunan Pasaran Kewangan'



Kawasan QRPay4Food membolehkan pengunjung membuat pembayaran QR rentas sempadan kepada vendor dari Indonesia, Singapura dan Thailand, seolah-olah seperti berada di negara tersebut

Selain libat urus, BNM juga menggunakan pendekatan komunikasi yang berlainan untuk memenuhi keperluan khalayak yang berbeza. Seperti yang diterangkan lebih lanjut dalam bab ini, pendekatan ini termasuk sesi turun padang, pameran hasil seni, serta penyesuaian kandungan media sosial. Matlamat BNM adalah supaya tindakan dasar dan advokasinya difahami dengan baik, lantas dapat mencapai hasil yang dihasratkan.

Membanteras Penipuan Kewangan

Salah satu keutamaan teratas BNM pada tahun 2023 adalah untuk membanteras penipuan kewangan. BNM mengambil langkah padu untuk mengumpulkan pihak media, agensi penguatkuasaan undang-undang dan industri kewangan untuk menangani isu penipuan

kewangan secara holistik. Agensi penguatkuasaan undang-undang termasuk BNM berkongsi pandangan tentang taktik penipuan kewangan terkini dan langkah-langkah membendungnya, di samping usaha mendapatkan semula dana yang dicuri. Berikutan peranan penting media dalam membentuk kesedaran awam tentang penipuan kewangan, penting bagi agensi penguatkuasaan undang-undang untuk menyantuni pihak media ke arah meningkatkan kesedaran mereka. Hal ini merangkumi penambahbaikan undang-undang dan peraturan, atau usaha penguatkuasaan supaya maklumat yang tepat dapat disebarkan dengan pantas.

Dalam usaha mengukuhkan barisan pertahanan hadapan memerangi penipu (*scammer*), BNM terus menumpukan usahanya untuk menyusun atur kandungan kesedaran penipuan kewangan yang dikongsikan menerusi kesemua enam platform media sosialnya dan juga halaman khas Facebook Amaran Scam, pada setiap hari Jumaat. BNM juga melaksanakan kempen kesedaran penipuan kewangan yang lebih bersasar dan relevan ketika musim perayaan untuk terus menarik minat orang ramai mengenai perkara ini (Gambar Rajah 1).

Kempen Siri Seram Scam BNM semasa bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri meraih lebih 25 juta tontonan menerusi media sosial.

Bank-bank juga meningkatkan inisiatif yang tertumpu pada mempertingkatkan kesedaran tentang penipuan kewangan. Pada bulan Oktober, industri perbankan telah melancarkan kempen #JanganKenaScam, diikuti dengan hantaran kesedaran penipuan kewangan secara terselaras oleh industri, serta #JanganKenaScam Fest, sebuah jerayawara pendidikan penipuan kewangan yang interaktif.





Timbalan Gabenor Marzunisham Omar menyampaikan ucapan pembukaan di bengkel media BNM mengenai penipuan kewangan

Gambar Rajah 1: Kempen Kesedaran Penipuan Kewangan BNM Menerusi Media Sosial



Kempen kesedaran penipuan kewangan BNM bertemakan perayaan



Kempen kesedaran penipuan kewangan BNM pada bulan Ramadan mencatatkan kadar interaksi dan perbincangan (engagement) yang tinggi

BNM juga menjalankan program Latihan Tenaga Pengajar (Train-the-Trainer, TTT) utamanya di seluruh negara untuk meningkatkan kemahiran lebih 500 pegawai industri kewangan dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang diperlukan untuk mengenal pasti penipuan kewangan dan mengekalkan keselamatan asas (*basic security hygiene*). Pada tahun 2023, lebih 30,000 rakyat Malaysia di seluruh negara telah beroleh manfaat daripada menyertai sesi kesedaran penipuan kewangan yang dikendalikan oleh peserta program TTT.

Meningkatkan Kesedaran Mengenai Tindakan Penguatkuasaan

BNM menerbitkan butiran tindakan penguatkuasaannya terhadap entiti di dalam dan di luar bidang kawal selianya melalui laman sesawang BNM. Usaha ini adalah selaras dengan komitmen BNM terhadap ketelusan dan akauntabiliti awam dalam melaksanakan mandatnya. Tindakan ini juga berfungsi sebagai penghalang yang berkesan (*credible deterrent*) terhadap salah laku pada masa hadapan. Pada tahun 2023, BNM menambah baik halaman Tindakan Penguatkuasaan (bnm.gov.my/enforcement-actions) dalam laman sesawangnya untuk lebih memudahkan orang ramai mengakses maklumat tindakan pentadbiran dan undang-undang yang telah diambil terhadap entiti di dalam dan di luar bidang kawal selianya. (Untuk butiran lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Pendekatan Penguatkuasaan BNM dan Penzahiran Tindakan Penguatkuasaan').

Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat dalam Senarai Amaran Pengguna Kewangan (bnm.gov.my/fca) mengenai nama individu, entiti atau skim yang orang ramai perlu berwaspada dalam urusan mereka, kerana entiti atau skim ini mungkin disalah anggap atau kelihatan sebagai berlesen atau dikawal selia oleh BNM.

Menyantuni Masyarakat

Usaha penyantunan BNM kekal penting untuk membuahkan hasil yang dihasratkan seperti rangkuman kewangan dan mempertingkatkan celik kewangan. Usaha ini termasuk acara berskala besar seperti Karnival Celik Kewangan (KCK) (Gambar Rajah 2), dan acara berskala kecil di lebih banyak kawasan luar bandar dan kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan



Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour melancarkan Karnival Celik Kewangan yang memberikan akses percuma kepada khidmat nasihat kewangan untuk orang ramai



Timbalan Menteri Kewangan I, YB Datuk Seri Ahmad Maslan (tengah), bersama Timbalan Gabenor Adnan Zaylani Mohamad Zahid (kanan) melawat salah sebuah gerai di Karnival Celik Kewangan



Memperkasakan komuniti dengan pengurusan kewangan sambil mereka beralih menjadi masyarakat tanpa tunai

Gambar Rajah 2: Karnival Celik Kewangan

KCK Kelantan 16 – 17 Jun 2023	KCK Johor 27 – 29 Oktober 2023
18,000 pengunjung 23,000 dicapai menerusi FB Live	25,000 pengunjung 57,000 dicapai menerusi FB Live
16 forum dan ceramah mini	13 forum dan ceramah mini
500 peserta Takaful4All Fun Run	750 peserta Takaful4All Fun Run
1,200 khidmat nasihat kewangan Transaksi kewangan* bernilai >RM420,000	14,786 khidmat nasihat kewangan Transaksi kewangan* bernilai >RM14 juta

* Jumlah deposit, pembiayaan dan insurans/takaful.

Sumber: Bank Negara Malaysia

kewangan. Melalui KCK, orang ramai boleh mengakses pelbagai jenis maklumat mengenai produk dan perkhidmatan kewangan, khidmat nasihat kewangan dan pendidikan kewangan. Sementara itu, acara berskala kecil membolehkan BNM lebih bersasar dalam libat urusnya. Sebagai contoh, program berkaitan inisiatif e-Duit mempunyai tujuan khusus untuk menggalakkan e-pembayaran dan meningkatkan celik kewangan digital. Pada tahun 2023, lebih 110 program berkaitan e-Duit telah dijalankan. Program tersebut turut diperluas untuk memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar seperti di Serikin dan Siniawan, Sarawak; Langkawi, Kedah; dan Bagan Nakhoda Omar, Selangor.

Kumpulan sasaran utama untuk usaha penyantunan awam BNM ialah golongan belia. Secara keseluruhan, BNM menyantuni lebih 1,800 belia di seluruh Malaysia. Salah satu matlamat utamanya adalah untuk membantu mereka membina pemahaman yang lebih mendalam tentang ekonomi serta mandat dan dasar BNM. BNM juga memberikan tumpuan pada meningkatkan keupayaan dan kesedaran belia tentang topik kontemporari seperti penipuan kewangan dan celik kewangan. Sehubungan dengan itu, Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) melancarkan program rintis pendidikan kewangan, FEN PROAKTIF, yang bertujuan untuk melengkapi belia di universiti tempatan dengan kemahiran pengurusan kewangan.



Libat urus BNM dengan belia di UNIMAS, Kuching, Sarawak



Penolong Gabenor Dr. Norhana Endut menyampaikan ucapan alu-aluan kepada 400 pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Malaysia dan di luar negara semasa AMEU Economics Summit 2023



BNM mengundang kumpulan belia ke Sasana Symposium BNM untuk mendalami isu-isu kepentingan awam

Memandangkan pendekatan holistik diperlukan untuk meningkatkan celik kewangan, BNM bekerjasama dengan institusi lain seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain menerusi Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN). Melalui pelbagai acara, dialog dan jerayawara, FEN menyantuni pelbagai pihak berkepentingan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan perbincangan mengenai celik kewangan. Pada tahun 2023, empat bidang tumpuan FEN ialah:

a) Pengurusan Kewangan Peribadi: Memperkukuh keupayaan untuk mengurus kewangan secara berhemat dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

b) Celik Kewangan Digital: Menyokong kumpulan yang mudah terjejas pada pelbagai peringkat kehidupan sambil menyokong penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat.

c) Merangsang Pertumbuhan Mampan: Memperkasakan rakyat Malaysia untuk menggunakan produk dan perkhidmatan kewangan dengan berkesan dan menggarap peluang pertumbuhan .

d) Melindungi Kekayaan: Memelihara kesejahteraan kewangan melalui insurans dan takaful, serta mempertingkatkan kesedaran tentang potensi risiko dan penipuan untuk mengelakkan kerugian yang besar.

Pada tahun 2023, acara utama FEN, Bulan Celik Kewangan (Financial Literacy Month, FLM) mencapai lebih 6.3 juta

Gambar Rajah 3: Inisiatif dan Libat Urus Pendidikan Kewangan Utama pada FLM 2023



1 JELAJAH & PAMERAN — >350 ribu Jangkauan
- Minggu Saham Amanah Malaysia: 30 Sept.–8 Okt. 2023
- Jelajah FLM 2023 meliputi 71 lokasi, termasuk 14 universiti dan 10 institusi TVET
- Inisiatif Bank Bergerak oleh Institusi Kewangan Peserta
- Karnival Celik Kewangan: 27–29 Okt. 2023

2 FORUM, DIALOG & WEBINAR — >960 ribu Jangkauan
- Forum Perdana Hal Ehwal Islam – 'Jerat Derita Akaun Bernyawa'
- Tiga dialog PKS di seluruh negara
- Seminar/webinar celik kewangan yang dijalankan oleh ahli dan rakan usaha sama FEN

3 SIMPOSIUM, PENYELIDIKAN & TINJAUAN — >7 ribu Penyertaan
- Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan
- Komuniti Pengamal
- Tinjauan celik kewangan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan RinggitPlus

4 PROGRAM LAIN — 1.6 juta Jangkauan
- FinFit Challenge 2023
- Pendidikan Kewangan KPM

5 PLATFROM MEDIA SOSIAL — 3.4 juta Jangkauan
Facebook, Instagram dan TikTok

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Gambar Rajah 4: Jelajah FLM 2023 di 71 Lokasi Seluruh Negara

Jelajah Seluruh Negara FLM
Bulan Literasi Kewangan 2023 | 29 September – 26 Oktober 2023



71 lokasi

Menyantuni >31k rakyat (2022: 20k)

11 program pendidikan kewangan diterajui institusi kewangan peserta melalui Inisiatif Bank Bergerak khususnya di pedalaman Sabah dan Sarawak (9,300 jangkauan)

Kandungan khusus untuk memenuhi keperluan khalayak sasaran, dengan penekanan terhadap keselamatan siber

Pengetahuan bersepadu dengan seruan untuk bertindak, berserta peluang buat pengguna untuk pantas mengaplikasikan ilmu baharu mereka menerusi perundingan peribadi dengan AKPK (hutang), KWSP (persaraan) dan MTA (Perlindungan Tenang dan PERKESO (perlindungan sosial))

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan







Jelajah FLM 2023 menggabungkan teori dengan langkah praktikal, yang memberi pengguna akses pantas kepada khidmat nasihat dan perkhidmatan kewangan

rakyat Malaysia, iaitu peningkatan yang ketara berbanding dengan tahun 2022 (Gambar Rajah 3). Peningkatan ini datang daripada jangkauan kandungan FEN menerusi platform media sosial yang lebih luas serta skala program pendidikan yang lebih besar (Gambar Rajah 4).

Memperluas Rangkaian Digital BNM

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, BNM telah memperkukuh penggunaan media sosial untuk meluaskan capaiannya kepada masyarakat. Media sosial ialah alat komunikasi yang sangat berkuasa kerana kemampuannya untuk membolehkan BNM menyampaikan mesej yang disesuaikan dengan segmen masyarakat yang berbeza. Khasnya, video penjelasan berbentuk animasi dan video pendek telah membolehkan penyediaan kandungan yang lebih khusus bagi memudahkan pemahaman dasar monetari, analisis ekonomi, celik kewangan dan membanteras penipuan kewangan.

Pada tahun 2023, BNM terus memanfaatkan media sosial sebagai platform untuk menyantuni orang ramai. Kehadiran media sosial BNM adalah berteraskan tujuh siri bulanan khas (Gambar Rajah 5). Pada tahun ini, BNM menambah siri baharu 'Anda Tanya, BNM Jawab' bagi menerangkan topik teknikal, isu terkini dan dasar. BNM dalam hal ini memperkenalkan persona baharu bernama Sherry yang berpengetahuan luas dan peka isu terkini serta celik kewangan kepada pengikut media sosialnya. Sherry membantu menghuraikan isu kompleks seperti tindakan penguatkuasaan BNM dan skim pelaburan haram. Beliau juga menjelaskan skop BNM dalam mengawal selia pelaburan atau perdagangan berhubung dengan emas, perak dan logam berharga.

Selain menawarkan lebih banyak kandungan, BNM turut mempelbagaikan dan menyesuaikan format penyampaiannya agar lebih berkesan. BNM menghasilkan video pendek yang tempohnya sekitar seminit serta video yang lebih panjang untuk memenuhi keperluan berbeza khalayaknya. Apabila sesuai, BNM mengetengahkan warga kerjanya, seperti dalam hantaran iklan pengambilan pekerja, untuk memberikan gambaran tentang suasana dan makna tugas di bank pusat kepada mereka yang mempertimbangkan BNM sebagai majikan.

Selain metrik pertambahan pengikut dan tontonan (*impression*), BNM memberikan perhatian yang teliti pada kadar interaksi dan perbincangan (*engagement*)

Gambar Rajah 5: Siri Bulanan Utama BNM di Media Sosial



Anda Tanya, BNM Jawab: Video penerangan mengenai isu terkini



Amaran Scam: Perkongsian tip-tip penipuan kewangan



Siri Petikan BNM: Petikan ucapan pengurusan kanan BNM



Tahukah Anda: Fakta ringkas yang menarik mengenai dasar dan inisiatif BNM



Bijak Kewangan: Ringkasan petua celik kewangan



Imbas Kembali: Imbasan sejarah BNM sepanjang 65 tahun yang membangkitkan nostalgia



BNM Kongsi: Meringkaskan isu kompleks tanpa istilah teknikal

untuk mengukur kesan jangkauan. Kadar penglibatan membantu untuk memaklumkan topik dan jenis siaran yang lebih menarik kepada khalayak BNM, dan seterusnya membantu memperkemas strategi komunikasinya. Pada tahun 2023, platform media sosial BNM merekodkan purata pertambahan pengikut sebanyak 22.8% (2022: 25%), dengan Instagram menjadi platform yang paling pesat berkembang.

Yang nyata, usaha komunikasi digital BNM untuk meningkatkan pemahaman orang ramai tentang peranan dan mandatnya telah meraih anugerah Communications Initiative Award pada bulan Mac 2024 daripada Central Banking, sebuah penerbit bebas global mengenai hal ehwal perbankan pusat.

Garapan Seni dalam Kewangan

Melalui pameran terpilih dan program pendidikannya, Muzium dan Galeri Seni BNM (BNM MAG) berhasrat untuk mempamerkan gabungan kewangan, seni dan budaya kepada orang ramai. Pada tahun 2023, bilangan pelawat BNM MAG meningkat sebanyak 158% apabila BNM MAG terus menjadi destinasi popular untuk keluarga, penggemar seni dan pelancong. Pameran sementara berdasarkan tema khas menjadi pelengkap kepada pameran seni tetap di BNM MAG.





BNM MAG ialah destinasi popular untuk keluarga, pelajar dan pelancong

Gambar Rajah 6: Pameran dan Aktiviti BNM MAG pada Tahun 2023

LATerasi Kewangan di Kuching

- Pameran yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Muzium Sarawak, menampilkan karikatur unik oleh Datuk Lat dari tahun 1999 hingga 2012. Pameran diinspirasikan daripada siri Buku Wang Saku terbitan BNM untuk memupuk pengurusan wang berhemat sejak kecil.



Premier Sarawak diiringi oleh Timbalan Gabenor Marzunisham Omar dan Datuk Lat mengunjungi pameran Laterasi Kewangan selepas pelancarannya



Para tetamu dihidangkan dengan persembahan wayang kulit selepas pelancaran oleh Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour

Gerak Bayang: Seni Bercerita

- Pameran ini mempersembahkan hasil seni oleh 39 seniman bertemakan wayang kulit, yang mempamerkan bentuk seni tradisional wayang kulit yang tersendiri dan unik, serta boneka untuk pemerhatian dan penghayatan.

Hari Muzium Antarabangsa 2023 di Muzium Budaya Borneo

- Pameran BNM MAG 'Finance Fit Gym', direka sebagai gimnasium mini untuk mendidik orang ramai tentang pengurusan kewangan yang berhemat, sejarah mata wang Sarawak, penipuan kewangan dan kelestarian.



Gerai BNM MAG pada Hari Muzium Antarabangsa 2023 telah menerima anugerah 'Pameran Paling Popular' dan 'Pameran Paling Kreatif' oleh Jabatan Muzium Malaysia dan International Council of Museums Malaysia (ICOMMAL)



Penolong Gabenor Abd. Rahman Abu Bakar mengunjungi bazar

Bazar Seni 2023

- Bazar Seni 2023, bertemakan 'Apa Khabar?', bertujuan untuk meraikan dan menonjolkan bakat seniman tempatan baharu. Misi utamanya adalah untuk mempromosikan kebolehcapaian seni kepada orang ramai.

Persidangan International Committee for Money and Banking Museums (ICOMON)

- Golongan profesional, pakar dan peminat wang dan muzium perbankan dari seluruh dunia berkumpul untuk membincangkan perkembangan peranan muzium dalam era digital serta pendekatan inovatif untuk meningkatkan pendidikan dan penyantunan awam.



Timbalan Gabenor Marzunisham Omar merasmikan Persidangan ICOMON 2023



Kanak-kanak yang menghadiri festival mengambil bahagian dalam bengkel celik kewangan dan sesi seni mempertahankan diri

Pesta Kanak-Kanak @ MAG 2023

- Dengan tema 'L.O.V.E & K.A.S.I.H,' festival tersebut bertujuan untuk memupuk kesejahteraan kanak-kanak, dengan tumpuan utama pada kesihatan fizikal dan mental mereka. Terdapat juga program untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan celik kewangan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah Selanjutnya

Usaha memelihara keyakinan orang ramai merupakan matlamat BNM. Komunikasi BNM tidak hanya mementingkan kandungannya, malah cara komunikasi disampaikan juga turut diambil kira. Pada tahun yang akan datang, BNM akan terus mengatur libat urusnya dengan penuh bermatlamat supaya mandatnya dapat dilaksanakan dengan berkesan demi kepentingan terbaik negara. BNM akan terus membina kesedaran orang ramai tentang tindakan dasarnya serta isu kontemporari seperti penipuan kewangan, celik kewangan dan isu ekonomi yang berkaitan dengan peranan dan mandat BNM.